

# Mohd Afiq unggul kategori lelaki

UB 11.10.2014 A14

LABUAN: Murid Tahun Lima Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Kalam, Mohd Afiq Zulffadhli Jaafar mengungguli kategori perseorangan lelaki Kejohanan Badminton Bawah 12 Tahun Jemputan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2014.

Pada perlawanan akhir yang diadakan di Dewan Utama UMSKAL, Sabtu lalu, Mohd Afiq mengecewakan murid Tahun Enam SK Pekan Satu, Anas Fadhli Zamzuri untuk membawa pulang hadiah berupa medal dan hamper serta sijil penyertaan.

Tempat ketiga bersama dimenangi oleh pemain SK Bukit Kalam, Mohd Ansarullah Sabaruddin, 11, dan Mohd Raienul Hazis, 10, dari SK Tanjung Aru, Mohd Raienul Hazis (10).

Sementara itu, pasangan dari SJK (C) Chi Wen, Marina Wong Siew Kay (11) dan Angely Joyce Rumawas (11) menewaskan Everlyn Tan Ai Wen (11) & Penny Lim Chiew Wei (11) dari SJKC Chung Hwa untuk memenangi kategori beregu perempuan.

Pasangan dari SK Pantai, Nur Rabiatul Alia (11) & Lizalina Sulta (11) memenangi tempat ketiga bersama pasangan SJK (C) Chung Hwa, Beverly Lien Hui Wen (11) & Asiah Lalim (11).

Bagi kategori Beregu



**AJK** Pelaksana gembira Kejohanan Badminton Jemputan 2014 berjalan lancar.

Lelaki, Mohd Afiq Zulffadhli Jaafar yang berpasangan dengan Mohd Ansarullah Sabaruddin muncul juara selepas mengalahkan Mohd Zulhilme Haji Sabtu & Mohd Raienul Hazis dari SK Tanjung Aru.

Sementara dua pasangan SJK (C) Chi Wen, Acric Teo Yi Zheng (12) dan Hanson Wan Hua Yau serta Tan Jie Sheng dan Bryan Goh Yau Zu menduduki tempat ketiga bersama.

Semua pemain yang menduduki tempat ketiga, naib johan dan johan menerima medal, hamper dan sijil penyertaan.

Seramai 40 pemain yang

mewakili sembilan buah sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan menyertai kejohanan tahunan itu.

Kejohanan Badminton Bawah 12 Tahun kelolaan Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) ini telah dilaksanakan oleh pelajar yang mengambil kursus badminton pada Semester 1 Sesi 2014/2015 yang dibimbing Jurulatih, Jais Haji Osman.

Jais yang juga penyelaras kejohanan itu merupakan pemegang Lesen B Kejurulatihan Tahap Dua Majlis Sukan Negara (MSN) dan ditauliahkan Persatuan

Badminton Malaysia (BAM).

Menurut Jais, kejohanan itu diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar yang mendaftar kursus sukan badminton bagi kokurikulum di UMSKAL ini agar dapat membina kemahiran insaniah serta merapatkan hubungan silaturahim yang ahlinya terdiri daripada pelbagai budaya dan bangsa.

Selain itu, katanya, kejohanan ini juga memberi peluang kepada murid bawah 12 tahun untuk mencungkil bakat mereka seterusnya dapat mengembangkan lagi minat dan mutu permainan



**GABRIEL** (dua kanan) bersama pemenang kategori perseorangan lelaki.



**PEMENANG** beregu perempuan bersama Gabriel (2 kanan), Jais (kanan), Che Din (2 kiri) dan Norshafika (kiri).

yang lebih berkualiti di peringkat seterusnya.

“Kejohanan itu juga untuk mempromosikan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang merupakan universiti tempatan yang mempunyai sistem pembelajaran yang baik dari segi akademik mahupun kokurikulum,” katanya.

Jais tidak mengucapkan terima kasih kepada Pengarah

PKPP UMS, Prof Madya Dr Raman Nordin yang memberikan sokongan moral kepada penganjur badminton di bawah aktiviti UMS Sprint (UMS Prihatin) pada tahun ini.

“Tidak lupa terima kasih kepada semua AJK Pelaksana yang bertungkus-lumus menjayakan kejohanan sehari itu, kerjasama pintar Jabatan Pendidikan Labuan dan sokongan padu ibu bapa,” katanya.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan Pegawai Belia dan Sukan UMSKAL, Gabriel Moinjil yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Turut hadir Penyelaras Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar UMSKAL, Che Din Md Salleh dan Pengarah Program, Norshafika Azlin Mohd Hasli.



**PEMAIN** yang menyertai Kejohanan Badminton Jemputan UMSKAL 2014 bergambar kenangan di Dewan Utama UMS Labuan.



**CHE DIN** (3 kiri) menyampaikan cenderamata kepada pengadil Kejohanan Badminton Jemputan UMSKAL 2014.